

Skim mudah beli komputer riba dari RM66 sebulan UiTM

KOSMO 25/9/06 MS-11

SHAH ALAM – Warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) kini boleh memiliki komputer riba dengan bayaran ansuran serendah RM66 sebulan.

Ia menjadi kenyataan dengan termetrainya memorandum persefahaman (MoU) antara Koperasi Kaitangan UiTM Berhad (KKUiTM) dengan Siswa Care (M) Sdn. Bhd. kelmarin.

MoU ini bertujuan mempromosikan kempen UiTM, 'Satu Pelajar Satu Komputer Riba'.

Di bawah persetujuan itu, KKUiTM akan melaksanakan kempen berkenaan untuk semua pelajar manakala Siswa Care akan menguruskan pembekalan komputer riba itu.

Kerjasama antara kedua-duanya ini dijangka dapat meningkatkan la-

gi kualiti pembelajaran di universiti tersebut yang mana komputer riba dapat memainkan peranan yang penting.

Menurut Naib Pengerusi KKUiTM, Che Hashim Mohd. Said, MoU, ini akan dapat memastikan harapan pengurusan universiti untuk semua warganya memiliki komputer tercapai.

"KKUiTM akan menguruskan

perkara berkaitan dengan promosi dan permohonan pembelian oleh pelajar," jelasnya.

Presiden Siswa Care, Mazlan Nordin pula menerangkan, pihaknya menjalankan rundingan dengan beberapa bank mengenai cara pembiayaan pembelian komputer.

"Setakat ini, kami mampu menawarkan skim pinjaman pembelian yang menguntungkan kedua-dua pi-

hak iaitu bank dan juga pelajar," katanya.

Di bawah MoU itu, pelajar UiTM akan dapat membuat pilihan komputer riba daripada pelbagai jenama terkemuka seperti Hewlett-packard, Bluedot, Lenovo dan Acer.

Dijangkakan 10 peratus daripada 100,000 pelajar UiTM akan mengambil peluang tawaran yang diberikan ini.